

31 OCT 1996

Mahathir-China

MALAYSIA PUNYAI PANDANGAN SENDIRI MENGENAI KES MAHKAMAH BEIJING, KATA PM

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Malaysia mempunyai hak untuk membuat penilaiannya sendiri mengenai keputusan sebuah mahkamah Beijing menjatuhkan hukuman penjara 11 tahun ke atas Wang Dan, seorang penentang China, atas tuduhan berkomplot untuk menggulingkan kerajaan negara itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Kita buat penilaian kita sendiri," kata Perdana Menteri ketika ditanya pendapat Malaysia mengenai kes itu berikutan Amerika Syarikat menyatakan kebimbangannya sejurus selepas Wang dijatuhkan hukuman itu semalam.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas melawat ibu pejabat Tenaga Nasional Berhad, Dr Mahathir berkata Malaysia mempunyai pendiriannya sendiri dan begitu juga dengan Amerika.

Beliau berkata China mempunyai hak untuk mengambil tindakan terhadap warganegaranya.

Mahkamah Beijing mendapati Wang, seorang pemimpin pergerakan pro-demokrasi Dataran Tiananmen yang dibanteras pada Jun 1989, bersalah melakukan komplot untuk menggulingkan kerajaan.

Laporan-laporan dari Beijing memetik jurucakap Kementerian Luar China, Shen Guofang, sebagai berkata hari ini bahawa tiada pertubuhan, individu atau kerajaan asing mempunyai hak untuk mencampuri kes Wang.

Mengenai laporan yang memetik polis New Zealand sebagai berkata bahawa mereka mengesyaki seorang rakyat Malaysia dalam kejadian bungkusan meletup yang mencederakan dua pelajar Malaysia di Wellington semalam, Dr Mahathir berkata beliau akan mengulas mengenainya selepas mendapat laporan kejadian itu.

Hui Mei Keuh, 20, dan Ken Kok, 25, kedua-duanya menuntut di Universiti Victoria, Wellington, melecur teruk apabila bungkusan yang baru diambil mereka daripada sebuah syarikat kourier meletup semasa mereka membukanya di dalam kereta.

Mereka dilaporkan berada dalam keadaan stabil. -- BERNAMA

ES ARA NAK